

Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah.

“Mungkin sejak kedatangan Kelabu, aku telah mengabaikan Oren,” bisiknya kepada diri sendiri. Dia menyesal dengan tindakannya membiarkan Oren. Dia terimbas kembali kenangan ketika Oren mula-mula menjadi sebahagian daripada keluarga mereka.

Petang itu, dia pulang dari pejabat agak lewat daripada biasa. Sedang dia memandu keretanya di jalan taman perumahannya, tiba-tiba dia berasa bahawa dia terlanggar sesuatu. Kemudian dia memberhentikan keretanya untuk meninjau benda yang dilanggarnya itu. Dia hanya mampu mengucap apabila seekor kucing terlantar mati di bawah tayar keretanya. Namun, *hatinya lebih tersentuh* apabila datang seekor anak kucing mengiau-ngiau di hadapan kucing yang tidak bernyawa itu. “Mungkin ibunya,” detik hatinya.

Petang itu, dia pulang bersama-sama dengan seekor anak kucing jantan dan yang paling gembira menyambut kepulangan dia ialah Anis. Cepat-cepat anak bongsunya itu mendukung anak kucing tersebut sambil bertanya, “Apakah namanya?” Dengan spontan dia menjawab, “Oren”. Nama itu diberikan kerana seluruh bulu kucing itu berwarna oren.

Dipetik daripada cerpen ‘Oren’, Antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia



1. Berdasarkan petikan cerpen, apakah yang berlaku setelah "dia" memberhentikan keretanya?
 - A Dia meninjau keadaan di sekitar kawasan itu.
 - B Dia mengalihkan seekor kucing yang telah dilanggarnya.
 - C Seekor kucing terlantar mati di bawah tayar keretanya.
 - D Anak kucing mengiau-ngiau di hadapan keretanya.
2. Berdasarkan petikan cerpen, rangkai kata *hatinya lebih tersentuh* bermaksud
 - A sedih dan pilu.
 - B gembira.
 - C keliru.
 - D kecewa.
3. Nyatakan teknik plot yang tidak terdapat dalam petikan cerpen di atas.
 - A Monolog
 - C Imbas muka
 - B Dialog
 - D Konflik
4. Nilai yang terdapat dalam petikan ialah
 - A keadilan.
 - B ketabahan.
 - C kerajinan.
 - D keprihatinan.
5. Berdasarkan petikan di atas, 'dia' pulang ke rumahnya pada petang itu dengan membawa bersamanya
 - A Anis.
 - B Oren.
 - C Kelabu.
 - D ibu kucing.